

CNS3745

U GB 20-01 00181 BH483

bah

DR MAHATHIR AJAK VIETNAM TINGKATKAN KERJASAMA EKONOMI

Mahathir - Vietnam

(EMBARGO : Untuk Siaran Selepas 10.30 malam)

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengajak Vietnam supaya mempergiatkan lagi kerjasama dua hala dengan Malaysia kerana masih banyak peluang yang belum diterokai.

Perdana Menteri berkata kejayaan yang dicapai antara Malaysia dan Vietnam sekarang hanya merupakan sebahagian kecil daripada potensi yang ada.

+Sebenarnya, masih banyak lagi yang boleh dilakukan dan kita mesti mengeksploitasi peluang-peluang ini dengan sepenuhnya...masa yang paling tepat untuk kita mencapai matlamat ini adalah sekarang,+ katanya pada majlis makan malam rasmi bagi meraikan Perdana Menteri Vietnam Encik Vo Van Kiet di Sri Perdana di sini.

Encik Kiet tiba hari ini untuk lawatan empat hari.

Datuk Seri Dr Mahathir memberi jaminan bahawa Malaysia akan terus memberi galakan kepada segala usaha untuk meluaskan kerjasama dengan Vietnam.

Perdana Menteri berharap segala perjanjian yang ditandatangani pada masa akan datang akan memberi dorongan yang lebih kuat kepada usaha kerjasama ekonomi antara Malaysia dan Vietnam.-- Lagi

▼20/01/20-21MST

CNS3746

U GB 20-01 00148 BH484

bah

Mahathir - Vietnam 2 Kuala Lumpur

Katanya, Malaysia dan Vietnam patut meneliti dengan serius kemungkinan untuk menggalakkan hubungan perdagangan terus, hubungan udara dan bidang kerjasama lain selain daripada yang ada sekarang.

+Malaysia ingin melihat hubungan dua hala dalam berbagai-bagai bidang yang sedang berjalan ataupun yang akan dijalankan berdasarkan kepada asas-asas yang kukuh, saling percaya dan mempercayai dan setiakawan antara rakyat kedua-dua negara,+ katanya.

Perdana Menteri berkata bagi meluaskan kerjasama dengan Vietnam, Malaysia telah menubuhkan konsulatnya di bandaraya Ho Chi Minh tahun lepas dan juga menggalakkan badan-badan kerajaan dan swasta melibatkan diri dalam peluang-peluang perniagaan dengan Vietnam.

Menurut beliau, sejak beberapa tahun yang lepas, beberapa kemajuan yang menggalakkan dicapai antara Malaysia dengan Vietnam seperti melonggarkan sekatan perjalanan antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri berkata Malaysia mengalu-alukan dasar renovasi atau +DoiMoi+ Vietnam yang dilancarkan pada hujung 1986.-- Lagi

▼20/01/20-22MST

CNS3747

U GB 20-01 00122 BH485

bah

Mahathir - Vietnam 3 (akhir) Kuala Lumpur

+Sebagai sahabat dan jiran dekat Vietnam dan selaras dengan sokongan kuat kami bagi kerjasama antara negara Selatan-Selatan, Malaysia akan sentiasa bersedia untuk kerjasama rapat dengan Vietnam dalam bidang-bidang yang Malaysia mempunyai pengalaman dan kepakaran,+ kata beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menjelaskan mengenai usaha Malaysia untuk mengadakan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

Katanya, EAEC ialah satu mekanisma perundingan yang akan membolehkan negara-negara di Asia Timur berbincang dan menyelaraskan pendapat mengenai hal-hal yang menghalang aliran bebas perdagangan antarabangsa.

Perdana Menteri berkata kerjasama yang lebih rapat antara negara-negara membangun amat perlu apabila menghadapi cabaran-cabaran yang sama seperti syarat-syarat yang boleh membantut pertumbuhan negara-negara membangun.--
Bernama

▼20/01/20-22MST